

22/01/2002

Penggabungan: UBG diberi tempoh enam bulan lagi

Kadir Dikoh

UTAMA Banking Group Bhd (UBG), syarikat induk Bank Utama (M) Bhd (Utama) diberi tempoh sehingga pertengahan tahun ini untuk mencari rakan gabungan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, UBG sudah diberi tempoh sehingga 31 Disember lalu bagi membolehkannya berbuat demikian, tetapi dilanjutkan enam bulan lagi mulai tarikh itu selepas bank terbabit gagal mencari rakan untuk bergabung.

"Kita terpaksa mengendalikan keadaan ini kerana Utama tidak layak untuk menjadi bank induk kerana ia tidak mempunyai modal yang mencukupi," katanya selepas melancarkan Pusat Komuniti (Kelas Tuisyen) Puteri Umno di Petaling Jaya, semalam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan sebenarnya membenarkan hanya 10 bank induk dan UBG belum lagi bergabung dengan mana-mana bank induk terbabit.

"Hanya ada 10 bank (induk) dan tidak ada lagi," katanya.

Minggu lalu, Dr Mahathir berkata, beliau berharap satu keputusan dicapai dalam tempoh seminggu mengenai cadangan penggabungan antara RHB Bank Bhd (RHB Bank) dan UBG kerana masa semakin suntuk.

Berikutan kenyataan Perdana Menteri itu, pasaran menjangka kedua-dua pihak untuk mengumumkan hasil rundingan Jumaat lalu, tetapi gagal berbuat demikian.

Bagaimanapun, sumber pasaran berkata, rundingan yang bermula sejak sembilan bulan lalu antara RHB dan UBG masih menemui jalan buntu kerana kedua-dua pihak dikatakan gagal bersetuju mengenai harga.

Pegawai atasan RHB dan UBG tidak dapat dihubungi untuk mengulas perkembangan lanjut tetapi sumber memberitahu rundingan lanjut sedang diadakan dan kali ini mungkin memerlukan `campur tangan pihak atasan' pada peringkat kerajaan Sarawak dan Kerajaan Pusat.

Sumber lain pula berkata, cara terbaik bagi UBG ialah untuk menambahkan modal supaya melebihi RM2 bilion bagi melayakannya mendapat status bank induk.

"Ini boleh dilakukan kerana UBG mempunyai potensi cerah untuk terus berkembang di Sarawak.

"Apabila semua kelayakan itu dicapai, tidak mustahil bagi Kementerian Kewangan atau Bank Negara memberikan status sebagai bank induk ke-11 kepada Utama," katanya.

RHB Bank adalah bank ketiga terbesar tempatan manakala Utama adalah bank bersaiz sederhana yang berpangkalan di Sarawak.

(END)